



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu ke 11 Tahun 2009 (15 - 21 Mac 2009)

Jumlah kes denggi yang menunjukkan trend penurunan sejak 10 minggu yang lepas telah menunjukkan peningkatan kes pada minggu ke 11. Sejumlah 1,029 kes dengan 2 kematian telah dilaporkan pada minggu 11(15 hingga 21 Mac 2009), peningkatan sebanyak 41 kes atau 4.1%. Dua kematian dilaporkan adalah daripada Selangor dan Negeri Sembilan. Tujuh(7) negeri yang menunjukkan peningkatan kes yang ketara adalah WP Labuan(400%), Kedah(183%), Perlis(150%), Negeri Sembilan(112%), Johor(48%), Sabah (26%), dan WP Kuala Lumpur-Putrajaya(14%). Negeri Selangor yang masih belum menunjukkan penurunan kes yang ketara, menyumbang sebanyak 59% daripada keseluruhan kes yang dilaporkan(sila lihat lampiran A).

Sejumlah 27 'Hot Spot' baru dilaporkan pada minggu ini dan hanya 11 lokaliti bebas 'hot spot', menjadikan keseluruhan meningkat daripada 64 pada minggu sebelumnya kepada 80 lokaliti dan 93% lokaliti ini adalah daripada Negeri Selangor dan masing-masing tiga lokaliti di Johor, dua lokaliti di WP Kuala Lumpur dan satu lokaliti di negeri Perak. Senarai 'Hot Spot' adalah seperti dalam Lampiran C, D dan E. Prestasi aktiviti gotong-royong tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana

penyertaan masyarakat yang kurang memuaskan. Hanya sebanyak 60 (59%) aktiviti gotong-royong yang dapat dijalankan walaupun sebanyak 102 aktiviti disasarkan.

Pemantauan tempat pembiakan nyamuk aedes, pembawa demam denggi mendapati bahawa kawasan yang melaporkan kes denggi masih menunjukkan 89% premis positif pembiakan *Aedes* merupakan rumah kediaman dan kedai. Pembiakan *Aedes* yang tinggi juga ditemui di kawasan kilang, tanah/lot kosong, tapak binaan dan sekolah. Ini menunjukkan sebilangan besar masyarakat masih lagi tidak prihatin tentang bahaya pembiakan *Aedes* di rumah dan sekitar kawasan kediaman mereka. Tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik premis yang didapati membiak *Aedes* dan menyimpan takungan berpotensi bagi pembiakan *Aedes* di premis telah dijalankan, dimana sejumlah 440 kompaun bernilai RM85,900.00 dan 369 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan di seluruh negara.

Pemantauan kes Chikungunya menunjukkan ada peningkatan dimana pada minggu ini sebanyak 36 kes dilaporkan di seluruh negara berbanding 23 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 57% . Jumlah terkumpul kes Chikungunya tahun 2009 ialah 1,071 kes dan tiada kematian dilaporkan setakat ini. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti dalam Lampiran B.

Penyakit demam denggi dan Chikungunya merupakan penyakit yang mudah merebak melalui gigitan nyamuk *Aedes*, tetapi sebenarnya penularan penyakit ini boleh dicegah melalui kerjasama semua pihak yang terlibat terutamanya anggota masyarakat. Berikut adalah langkah bijak yang boleh diambil bagi mengelakkan kita daripada dijangkiti

demam denggi atau Chikungunya iaitu melalui penghapusan tempat pembiakan nyamuk aedes.

- a. Nyamuk aedes membiak pada takungan air jernih sama-ada di dalam ataupun di luar rumah. Oleh itu, periksa dan hapuskan bekas berpotensi atau tempat pembiakan nyamuk *Aedes* seperti tayar lama, bekas tong cat, bahan plastik, kaca & tin di dalam dan di luar persekitaran rumah dengan hanya perlu meluangkan selama 10 minit seminggu.
- b. Letakkan bahan pembunuh jentik-jentik (temephos) di dalam bekas takungan air yang sukar dikosongkan seperti cistern tandas rosak dan tangki air utama.
- c. Demam denggi boleh menjangkiti sesiapa sahaja dan boleh menyebabkan kematian. Dapatkan rawatan segera apabila anda mengalami tanda penyakit demam denggi contohnya, demam, sakit-sakit badan, sakit kepala, ruam dan lain-lain di klinik berhampiran.
- d. Orang awam adalah digalakkan mengambil bahagian aktif dalam aktiviti gotong-royong menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes. Tiada aedes, tiada denggi.
- e. Maklumat lanjut boleh diakses di laman web Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.my>

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 23 Mac 2009

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 11/2009  
(15 – 21 MAC 2009)**

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Jumlah Kes Sehingga 21 Mac 2009	Jumlah Kes Bagi Tempoh Sama 2008
		Minggu 11/09 (15-21 Mac)	Minggu 10/09 (8-14 Mac)		
1.	Perlis	<b>5</b>	2	38	24
2.	Kedah	<b>17</b>	6	308	256
3.	P. Pinang	<b>32</b>	25	634	383
4.	Perak	55	72	1123	973
5.	Selangor	<b>605</b> (1)	595	6893	3254
6.	WPKL & Putrajaya	<b>99</b>	80 (1)	1161	1038
7.	N. Sembilan	<b>17</b> (1)	8	226	238
8.	Melaka	<b>13</b>	12	163	125
9.	Johor	<b>59</b>	40	652	616
10.	Pahang	13	18 (1)	279	368
11.	Terengganu	17	33	289	434
12.	Kelantan	33	43	399	341
13.	Sarawak	<b>36</b>	35	486	339
14.	Sabah	<b>24</b>	19	269	262
15.	WP Labuan	<b>4</b>	0	13	15
	<b>Jumlah</b>	<b>1029</b> (2)	988 (2)	12,933 (35)	8,666 (16)

Nota:

( ) Kematian

Angka tebal merah (bold) = kes meningkat

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG  
DILAPORKAN PADA MINGGU EPID 10 DAN 11 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-11 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 11 (15-21 Mac 09)	Minggu 10 (8-14 Mac 09)		
1	Perlis	0	0	14	3
2	Kedah	0	0	30	181
3	Pulau Pinang	1	0	48	6
4	Perak	8	5	218	590
5	Selangor	4	2	235	353
6	WP KL & Putrajaya	0	6	59	27
7	Negeri Sembilan	3	1	25	176
8	Melaka	0	0	0	606
9	Johor	5	2	96	1846
10	Pahang	2	1	55	341
11	Terengganu	0	1	31	4
12	Kelantan	13	5	259	135
13	Sarawak	0	0	1	3
14	Sabah	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>36</b>	<b>23</b>	<b>1,071</b>	<b>4,271</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

24 Mac 2009

**SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 21 Mac 2009 (Mg 11)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes Terkumpul</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	GB	Taman Sri Gombak Z3	49	<b>159</b>
2	SELANGOR	MBSA	Seksyen 24 Teres D	46	<b>143</b>
3	SELANGOR	PT	Seksyen 18 Teres A	49	<b>134</b>
4	SELANGOR	MBSA	Seksyen 18 Flat 18/43	35	<b>123</b>
5	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Perdana	52	<b>119</b>
6	SELANGOR	MBSA	Padang Jawa C	65	<b>119</b>
7	SELANGOR	GB	Kg Laksamana	40	<b>118</b>
8	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres A1	61	<b>113</b>
9	SELANGOR	MBSA	Seksyen 6 Flat	26	<b>104</b>
10	SELANGOR	PT	Seksyen 18 Teres B	32	<b>103</b>
11	SELANGOR	MBSA	Seksyen 27 Teres C	56	<b>96</b>
12	SELANGOR	MBSA	Seks 33 Taman Alam Indah	26	<b>95</b>
13	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres B	18	<b>91</b>
14	SELANGOR	MBSA	Seksyen 8 Flat 8A	26	<b>87</b>
15	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puchong Jaya	48	<b>86</b>
16	SELANGOR	MPK	Persiaran Bukit Raja	20	<b>80</b>
17	SELANGOR	MBSA	Seksyen U5 Nusa Subang	12	<b>78</b>
18	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong	45	<b>77</b>
19	SELANGOR	GB	Bandar Baru Selayang F2	68	<b>76</b>
20	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puteri	16	<b>70</b>
21	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7 Teres D	25	<b>66</b>
22	SELANGOR	MBSA	Kolej Jati	12	<b>65</b>
23	SELANGOR	MPK	Taman Setia	11	<b>65</b>
24	SELANGOR	MPK	Taman Cempakasari Zon 2	8	<b>61</b>
25	SELANGOR	HS	Apt. Teratai, Bukit Beruntung	20	<b>60</b>
26	SELANGOR	MPAJ	Taman Bukit Indah (Zon C)	6	<b>57</b>
27	SELANGOR	GB	Bandar Baru Selayang F1	13	<b>56</b>
28	SELANGOR	GB	Appt. Fiona	7	<b>56</b>
29	SELANGOR	MPKj	Sg Chua	7	<b>54</b>
30	SELANGOR	GB	Taman Laksamana Puri	9	<b>54</b>

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes Terkumpul</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
31	SELANGOR	PT	Seksyen 17C	15	53
32	SELANGOR	MBSA	Seksyen 17 Teres A	11	52
33	SELANGOR	GB	Kg Nakhoda Kiri	10	52
34	SELANGOR	GB	Kg Bendahara	12	50
35	SELANGOR	MBSA	Seksyen U3 Appt Daisy	7	49
36	SELANGOR	PT	Seksyen 7 Flat D	14	49
37	SELANGOR	MPKj	Taman Kajang Raya	9	48
38	SELANGOR	MPK	Taman Palm Grove	17	48
39	SELANGOR	GB	Taman Jasa Utama	6	47
40	SELANGOR	MPS	Kg Melayu Batu 16	16	46
41	SELANGOR	MPKj	Taman Cheras Jaya	10	44
42	SELANGOR	SB	Taman Berkat Sg Besar	10	43
43	SELANGOR	PT	Seksyen 24 A	10	42
44	SELANGOR	MPAJ	Taman Ampang Jaya (Zon D)	7	40
45	SELANGOR	HS	Apt. Ros 2 Bukit Sentosa	12	40
46	SELANGOR	MBSA	Seksyen 16 Apt. Anggerik	6	39
47	SELANGOR	MPK	Taman Eng Ann Zon 6	7	39
48	SELANGOR	MPAJ	Pandan Jaya (Zon C)	5	38
49	SELANGOR	MPS	Bandar Tasik Puteri AZ 2	17	37
50	SELANGOR	MPSJ	Putera Height	10	37
51	SELANGOR	MPKj	Zon 3 Seksyen 1 BBB	7	37
52	SELANGOR	MBSA	Seksyen 25 Teres A2	42	113
53	SELANGOR	GB	Bandar Baru Selayang F2	68	76
54	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Permai	17	44
55	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Indah	12	40
56	SELANGOR	MPK	Pandamaran Jaya Zon 1	6	40
57	SELANGOR	MPKj	Taman Semenyih	4	39
58	SELANGOR	MPKj	Seksyen 2, BBB	6	39
59	SELANGOR	MPKj	Seks 7 Bandar Tasik Kesuma	8	37
60	SELANGOR	MPK	Jalan Batu 3 Lama	5	36
61	SELANGOR	MPSJ	Lestari Putera	6	35
62	SELANGOR	MPKj	Zon 5 Seks 4 BBB	11	35
63	SELANGOR	MPSJ	Batu 13	6	34
64	SELANGOR	MPKj	Zon 3 Seksyen 16 BBB	12	34

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes Terkumpul</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
65	SELANGOR	MPKj	Taman Kasturi	6	34
66	SELANGOR	MBPJ	Gugusan Semarak Seksyen 4 PJU 5	15	33
67	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang Jaya (Zon A)	10	33
68	SELANGOR	MPK	Taman Bayu Perdana Zon 3	8	33
69	SELANGOR	KL	Taman Sri Putra	4	33
70	SELANGOR	MPK	Taman Kim Chuan	4	32
71	SELANGOR	MPK	Bandar Armada Putra Zon 1	6	31
72	SELANGOR	MPK	Taman Sentosa Zon 3	5	31
73	SELANGOR	GB	Kg Wira Damai	6	31
74	SELANGOR	SB	Site B Sekincan	4	31
75	JOHOR	PBT	Austin Hight	8	36
76	JOHOR	PBT	Tmn.Universiti - Appt Meranti	5	34
77	JOHOR	PBT	Flat Tmn Daya,Jln Bertam	6	32
78	WPKL	Damansara	TTDI Kws A	9	33
79	WPKL	Putrajaya	Rumah Teras Jln P11/ A2	12	31
80	PERAK	M.P.Taiping	Kg Jambu Taiping	4	32

## SENARAI “HOT SPOT” BARU BAGI MINGGU 11 (15 – 21 MAC 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes Terkumpul	Tamat Pada
1	SELANGOR	GB	Bandar Baru Selayang F2	68	08.04.09
2	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Permai	17	08.04.09
3	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Indah	12	09.04.09
4	SELANGOR	MPK	Pandamaran Jaya Zon 1	6	12.04.09
5	SELANGOR	MPKj	Seksyen 2, BBB	6	15.04.09
6	SELANGOR	MPKj	Seks 7 Bandar Tasik Kesuma	8	10.04.09
7	SELANGOR	MPK	Jalan Batu 3 Lama	5	06.04.09
8	SELANGOR	MPSJ	Lestari Putera	6	02.04.09
9	SELANGOR	MPKj	Zon 5 Seks 4 BBB	11	10.04.09
10	SELANGOR	MPSJ	Batu 13	6	03.04.09
11	SELANGOR	MPKj	Zon 3 Seksyen 16 BBB	12	09.04.09
12	SELANGOR	MPKj	Taman Kasturi	6	05.04.09
13	SELANGOR	MBPJ	Gugusan Semarak Seksyen 4 PJU 5	15	17.04.09
14	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang Jaya (Zon A)	10	07.04.09
15	SELANGOR	MPK	Taman Bayu Perdana Zon 3	8	12.04.09
16	SELANGOR	KL	Taman Sri Putra	4	11.04.09
17	SELANGOR	MPK	Taman Kim Chuan	4	10.04.09
18	SELANGOR	MPK	Bandar Armada Putra Zon 1	6	04.04.09
19	SELANGOR	MPK	Taman Sentosa Zon 3	5	09.04.09
20	SELANGOR	GB	Kg Wira Damai	6	07.04.09

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes Terkumpul</b>	<b>Tamat Pada</b>
21	SELANGOR	SB	Site B Sekincan	4	07.04.09
22	JOHOR	PBT	Austin Hight	8	27.03.09
23	JOHOR	PBT	Tmn.Universiti - Appt Meranti	5	23.03.09
24	JOHOR	PBT	Flat Tmn Daya,Jln Bertam	6	24.03.09
25	WPKL	Damansara	TTDI Kws A	9	21.03.09
26	WPKL	Putrajaya	Rumah Teras Jln P11 A2	12	27.03.09
27	PERAK	M.P.Taiping	Kg Jambu Taiping	4	22.03.09

## SENARAI LOKALITI BEBAS “HOT SPOT” BAGI MINGGU 11 (15-21 MAC 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes Terkumpul	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	PT	Seksyen 7 Flat A	67	162
2	SELANGOR	PT	Seksyen 7 Teres A	51	129
3	SELANGOR	MBSA	Seksyen 20 Flat PKNS	27	102
4	SELANGOR	MBSA	Seksyen 8 Teres A	20	86
5	SELANGOR	SP	Taman Seroja Zon B	12	78
6	SELANGOR	MPK	Taman Kg Kuantan	14	68
7	SELANGOR	MPKj	Seksyen 1 Bandar Teknologi	5	50
8	SELANGOR	MPKj	Zon 1 Taman Taming Jaya	7	49
9	SELANGOR	SP	Taman Seroja Zon A	5	49
10	SELANGOR	HS	Apt. Kenanga Bukit Beruntung	7	42
11	SELANGOR	MPAJ	Taman Ukay Perdana Zon 2	6	39